

PM batal lawatan ke Rusia dan Jerman

UM 13 SEP 2001

KUALA LUMPUR 12 Sept — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membatalkan lawatannya ke Rusia dan Jerman berikutan serangan mengejut di Amerika Syarikat (AS) semalam.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, keputusan pembatalan itu dibuat pagi ini dan telah dimaklumkan kepada kedua-dua kerajaan berkenaan.

“Jadual lawatan itu akan ditentu-

kan semula selepas rundingan baru dibuat dengan kedua-dua kerajaan terbabit,” katanya kepada *Utusan* hari ini.

Penutupan

Perdana Menteri malam tadi membuat keputusan di saat-saat akhir untuk membatalkan lawatan ke Britain kerana ketidaktentuan yang timbul ekoran serangan di New York dan Washington dan penutupan se-

mua lapangan terbang di Amerika Syarikat.

Dr. Mahathir yang dijadualkan berlepas pada pukul 11 malam tadi sepatutnya singgah di London sebelum ke Rusia bagi lawatan rasmi empat hari, diikuti lawatan tiga hari ke Jerman.

Syed Hamid selanjutnya memberitahu, Dr. Mahathir berpendapat buat masa ini semua pemimpin Eropah pasti sibuk dengan kejadian itu.